

26/04/1997

Pemimpin agama perlu pupuk etika

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pemimpin agama memupuk etika dan nilai-nilai moral yang positif di kalangan pengikut mereka dan membantu menjadikan Malaysia sebagai contoh bagi keharmonian agama.

Perdana Menteri berkata, mereka harus memastikan masyarakat mempertahankan tradisi, kepercayaan, moral dan berusaha ke arah kehidupan dengan tahap integriti yang tinggi supaya masyarakat Malaysia menjadi contoh bagi keharmonian antara rakyat walaupun menganuti pelbagai agama".

"Ini sudah tentu merupakan sumbangan besar anda kepada masyarakat Malaysia," katanya di majlis jamuan sempena ulang tahun ke-50 Majlis Gereja-gereja Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, ketika pelbagai gejala sosial melanda negara, rakyat tidak harus berdiam diri dan membenarkannya merebak serta melemahkan struktur sosial di samping menghakis kekuatan mereka.

"Satu daripada faktor yang boleh mendorong usaha ke arah mewujudkan masyarakat yang kuat, bersatu dan bermoral ialah fungsi agama," katanya.

Perdana Menteri berkata, etika dan nilai moral mengikut agama Kristian tidak berbeza dengan moral mengikut agama Islam, Hindu, Buddha atau agama lain.

Beliau berkata, Malaysia bernasib baik kerana masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama mempunyai pengalaman dan tradisi yang lama untuk hidup dalam suasana harmoni.

"Kerjasama ini, tanpa mengira kaum dan agama akan meningkatkan lagi keazaman untuk membina masyarakat yang liberal lagi bertoleransi," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, rakyat tidak harus berpuas hati dengan kejayaan setakat ini, mereka harus meningkatkan kerjasama dan persefahaman ketika negara melangkah ke arah masyarakat ekonomi yang moden.

Dr Mahathir berkata: "Jika semata-mata berpuas hati dengan apa yang dicapai, kita mungkin mendapati cabaran pada masa depan terlalu sukar untuk kita hadapi."

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia sebuah negara Islam, umat Islam dituntut bersikap toleransi terhadap penganut agama lain.

Menurut Dr Mahathir, Nabi Muhammad sendiri bangun bagi memberi penghormatan apabila perarakan jenazah seorang Yahudi melintasinya sambil berkata Malaysia mengamalkan toleransi dan menghormati hak orang lain.

"Rakan kita yang bukan Islam seperti penganut Buddha dan Hindu menikmati kebebasan untuk hidup mengikut nilai-nilai budaya dan kepercayaan agama mereka sedangkan amalan ini mungkin tidak terdapat di kebanyakan negara lain," kata beliau.

Justeru, Dr Mahathir mengingatkan bahawa keganasan bagi menyelesaikan perbalahan antara agama "dibenci oleh semua masyarakat yang beragama dan parti-parti politik di negara demokrasi ini".

Dr Mahathir menarik perhatian mengenai hubungan antara Islam dan Buddha di Kelantan yang disifatkannya sebagai paling mesra dengan masyarakat Buddha berbangga negeri itu mempunyai patung Buddha sedang tidur yang antara terbesar di Asia Tenggara dan hakikat ini tidak diketahui oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan sejarah Malaysia, prospek bagi mewujudkan etika yang menggabungkan kaum, budaya, agama dan tradisi

amatlah menggalakkan.

"Oleh itu, rakyat harus berusaha ke arah itu dengan menjadi contoh,"  
katanya. - Bernama

(END)